

DALAM NEGERI

UEC: Rais bantah tindakan melulu

Oleh **NUR ANIS FARHANAH ABD. MALEK**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 JULAI**

KERAJAAN Pakatan Harapan tidak sepatutnya membuat keputusan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) semata-mata kerana ingin menuai janji dalam manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu.

Tokoh sosiobudaya, Tan Sri Dr. Rais Yatim berkata, UEC adalah isu rakyat yang memberi implikasi besar dan seharusnya diperhalusi dengan mendalam, termasuk dijadikan Memorandum Parlimen untuk dibahaskan.

“Kita tidak boleh buat keputusan semata-mata kerana manifesto atau janji politik atau tidak mau dianggap membuat pusingan U.”

“Ini bukan cara menjawab rungutan rakyat. Di negara ini orang Melayu adalah majoriti, jadi suara orang Melayu bagaimana? Sekarang suara siapa yang dikemukakan.”

“Lagipun UEC dibuat oleh NGO. Mana peranan kerajaan sebagai pembuat dasar negara,” katanya kepada *Utusan Online* ketika mengulas keputusan kerajaan meneruskan rancangan mengiktiraf UEC selaras dengan manifesto Pakatan Harapan.



Ini bukan cara menjawab rungutan rakyat. Di negara ini orang Melayu adalah majoriti, jadi suara orang Melayu bagaimana? Sekarang suara siapa yang dikemukakan.”

RAIS YATIM
Tokoh sosiobudaya

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik menegaskan, pihaknya tidak akan membuat pusingan U atau dilihat *flip-flop* dalam perkara itu. Rais berkata, sepanjang kemelut isu ini, masih banyak perkara yang belum dijelaskan dan dijawab kerajaan.

“Jadi saya memohon huraian yang paling tertib, harus diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Mungkin ada perkara-perkara yang perlu kita perhalusi yang boleh mengharmonikan rakyat dalam bidang pendidikan rendah dan tinggi,” katanya.

Rais mengingatkan, jika keputusan mengiktiraf UEC dilaksanakan dalam keadaan rakyat tidak faham, pergelutan politik boleh

Apa itu **UEC?**

SIJIL PEPERIKSAAN BERSAMA

- Diwujudkan pada tahun 1975 oleh Gabungan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) dan Persatuan Gabungan Jawatankuasa Sekolah Cina (Dong Zong)
- Diguna pakai di sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) yang dibenarkan beroperasi mengikut caranya sendiri
- Dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Menengah Rendah (UEC-JML), Vokasional (UEC-V) dan Menengah Tinggi (UEC-SML) yang menggunakan bahasa Mandarin

muncul.

“Bagi saya sepatutnya, biar golongan cerdik pendidikan, pembuat dasar, mempolemikan isu ini terlebih dahulu dan dibuat penghalusannya untuk diterima menteri.

“Jika menteri hanya bercakap begitu, tanpa membuat ‘kerja rumah’ yang saya sebut tadi, rakyat berhak untuk tidak menerima dasar ini, bererti pandangan

- Mengguna pakai dasar dan kurikulum sendiri dikatakan dari Taiwan, tidak mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Dikatakan diiktiraf lebih 400 pusat pengajian tinggi seluruh dunia termasuk di United Kingdom, Amerika Syarikat, Taiwan, Hong Kong, China, Singapura, Australia dan Kanada
- Tidak diiktiraf untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia



mereka perlu dilayani dahulu.

“Setahu saya, isu UEC ini belum lagi dibuat penentuan perinciannya, semakan, bagaimana letaknya di bawah Akta Pelajaran dan beberapa akta lain. Adakah ini sesuai dengan pendirian kerajaan sebagai dasar terpenting yang hendak dipinda terlebih dahulu, atau dasar tentang harga barang,” katanya.

Jangan abai bahasa Melayu

KUALA LUMPUR 13 Julai - Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, bahasa Melayu tidak boleh diabaikan dalam isu pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC).

Menurut Anwar, hal ini kerana bahasa Melayu telah ditetapkan sebagai tunjang dalam dasar pendidikan dan tiada tolak ansur dalam apa jua keadaan.

Bagaimanapun, beliau percaya pengiktirafan UEC tidak akan membelakangkan prinsip asas Dasar Pendidikan Kebangsaan.

“Kita boleh pertimbangkan apa jua pun seperti mana wujudnya sekolah Arab yang boleh diiktiraf, tetapi kita tidak boleh abaikan bahasa Melayu dan penguasaan ba-

hasa itu dalam mana-mana sistem pun,” katanya dalam program AI melalui Skype di *Astro Awani*, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar percaya, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik cukup berwibawa untuk menyelaraskan segala perkara berbangkit berhubung isu tersebut.

“Dalam perbincangan saya dengan tokoh pendidikan Cina, mereka beri jaminan itu bukan satu masalah bagi mereka.

“Kalau begitu, menteri boleh menetapkan ini boleh dimeterai dalam satu peraturan dan undang-undang yang jelas supaya tidak ada tanggapan bahawa dasar pendidikan dikorbankan kerana semata-mata pertimbangan politik baharu,” katanya.

Jangan 'derhaka' terhadap Perlembagaan Persekutuan

KUALA LUMPUR 13 Julai - Tindakan kerajaan yang mahu meneruskan pelaksanaan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) hanya disifatkan sebagai menderhaka dan melanggar perkara dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pengerusi Biro Sosiobudaya Majlis Perundingan Melayu (MPM), Prof. Emeritus Datuk Dr. Zainal Kling berkata, ini kerana sili-bus UEC hanya bersandarkan kepada pendidikan Taiwan yang tidak selari serta tidak menyentuh aspek pendidikan kebangsaan terutama Bahasa Malaysia dan sejarah negara.

Malah, katanya, sukatan UEC hanya meningkatkan sikap chauvinis dan tidak menyemai semangat cintakan negara serta menambahkan

lagi bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) pada masa depan.

“Bagaimana kita mahu wujudkan negara bangsa jika sistem ini sendiri memecahbelahkan lagi komposisi kaum? Malah ia sebenarnya tidak adil kepada pelajar yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana sukatan berbeza dan lulusan UEC juga akhirnya diterima dalam perkhidmatan awam.

“Jadi adakah kakitangan awam lulusan UEC dapat menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik? Selain itu, mereka sendiri tidak fasih dan menguasai Bahasa Malaysia serta mahu adakan sukatan sendiri pula. Ini sesuatu yang tidak masuk akal,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



ZAINAL KLING

Mappim sedia ambil tindakan undang-undang

KUALA LUMPUR 13 Julai - Majlis Pembangunan Pendidikan Islam Malaysia (Mappim) bersedia mengambil tindakan undang-undang bersama pasukan peguam bagi menghalang pelaksanaan Sijil Peperiksaan Bersama (UEC).

Malah Ketua Pegawai Eksekutif Mappim, Mohd. Zai Mustafa (**gambar**) berkata, pihaknya serta pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain termasuk Gerakan Pembela Ummah (Ummah) turut bercadang menggerakkan him-

punan bantahan rakyat secara besar-besaran di Kementerian Pendidikan di Putrajaya.

Katanya, ini kerana kenyataan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malek semalam disifatkan sebagai angkuh dan seolah-olah terikat dengan desakan pihak tertentu dalam Pakatan harapan.

“Kenyataan tegar beliau mem-



pertahankan UEC dilihat sebagai menjawab bantahan dan desakan pelbagai pihak agar Kementerian Pendidikan tidak mengiktiraf UEC.

“Semua keputusan yang akan dilaksanakan mestilah secara berhemah dan lebih berhati-hati dengan mengambil kira pe-

runtukan Perlembagaan Persekutuan dan akta yang berkaitan